



HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menggunakan produk Pembiayaan Bil Export-i. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.	BANK RAKYAT PEMBIAYAAN BIL EXPORT-i (OBF-i) Tarikh:
1. Apakah produk ini? <p>Pembiayaan Bil Export-i (OBF-i) adalah pembiayaan jangka pendek untuk bil pungutan eksport. Apabila pengeksport mengemukakan dokumen-dokumen untuk pungutan pembayaran, Bank selepas menyemak dan meneliti dokumen-dokumen, akan membiayai bil itu.</p>	
2. Apakah konsep Shariah yang digunakan? <p>Pembiayaan ini adalah di bawah prinsip Shariah Murabahah (dengan mengguna pakai kaedah Tawarruq) di mana berdasarkan Wa'ad daripada pelanggan, Bank akan membeli komoditi daripada pedagang komoditi dan kemudian menjual komoditi tersebut kepada pelanggan berdasarkan harga jualan Murabahah (kos komoditi dengan keuntungan) secara bayaran tertangguh. Sebagai ejen kepada pelanggan, Bank kemudian menjual komoditi tersebut kepada pembeli ketiga secara tunai. Wang tunai yang diperolehi daripada pembeli ketiga akan dimasukkan ke dalam akaun khas pelanggan yang telah ditetapkan. Komoditi yang digunapakai adalah Minyak Sawit Mentah (CPO) dan Damar Plastik (PE).</p> <p>Barang-barang / barangan yang mempunyai nilai jualan mestilah barang-barang yang patuh Shariah. Contoh barangan yang dilarang adalah alkohol, daging khinzir, dadah yang merosakkan, senjata, dan lain-lain.</p>	
3. Apakah yang saya dapat daripada produk ini? <p>Jumlah harga jualan : RM _____ (Jumlah yang kena dibayar apabila matang berdasarkan kadar siling) Jumlah pembiayaan : RM _____ (Jumlah yang dibiayai / nilai invois) Kadar Keuntungan : KAP atau KD atau KDE + Margin Tenor : Di antara 1-6 bulan</p> <p>Formula untuk pembiayaan: $FV = P / [1 + (R \times T / 36500)]$</p> <p>FV : Nilai muka / nilai matang (Harga Jualan) P : Nilai Invois R : Kadar keuntungan seperti Surat Tawaran T : Tempoh pembiayaan KAP : Kadar Asas Pembiayaan KD : Kadar Dana KDE : Kos Dana Efektif</p>	
4. Apakah tanggungjawab saya? <p>Pelanggan wajib melunaskan pembiayaan pada atau sebelum tarikh matang pembiayaan.</p>	



5. Apakah jenis-jenis fi dan caj yang perlu saya bayar?

Semua kos yang berkaitan dengan kemudahan pembiayaan ini akan ditanggung oleh pelanggan.

Jenis-jenis fi/caj	Kadar/Kos
RENTAS	RM5
IBG (seperti di kaunter)	RM2
SWIFT	RM25
Perbelanjaan am (penghantaran)	Kos sebenar

6. Bagaimana jika saya gagal memenuhi kewajipan saya?

Bank berhak untuk menolak akaun eAkaun Semasa-i (eCA -i) atau Akaun Simpanan Tetap-i pelanggan yang tersimpan di Bank sebagai bayaran untuk jumlah yang tertunggak dan Bank perlu memaklumkan kepada Pelanggan 7 hari lebih awal sebelum penolakan dilakukan . Bank juga mempunyai hak untuk menuntut bayaran penuh nilai invois dan mengambil tindakan undang-undang terhadap pembiayaan tidak berbayar. Semua kos berkaitan akan ditanggung oleh pelanggan .

Caj Pampasan (Ta`widh) bagi pembayaran lewat atau penyelesaian selepas tarikh kematangan pembiayaan hendaklah dikenakan ke atas pelanggan.

Formula untuk Ta`widh :

Jumlah Prinsipal Tertunggak x Kadar Pasaran Wang Antara Bank Islam x (Bilangan hari tertunggak / 365)

7. Bagaimana sekiranya saya menyelesaikan pembiayaan sebelum tempoh matang?

Untuk pembiayaan yang dilunaskan sepenuhnya sebelum tarikh matang, Bank akan memberi rebat (Ibra ') ke atas jumlah baki keuntungan / keuntungan yang terakru.

Formula untuk jumlah penyelesaian awal:
Baki Harga Jualan – Ibra' + Caj Lewat Bayar (jika ada)

Nota:

- Ibra' = Keuntungan Tertanggung + Prinsipal Yang Masih Belum Diagihkan (jika ada) – Caj-caj Lain (jika ada)

8. Adakah saya memerlukan perlindungan takaful?

Polisi Kargo Marin seperti yang dipersetujui antara pembeli dan penjual (jika berkaitan)

9. Apakah risiko-risiko utama?

Pelanggan tidak dibenarkan menggunakan mana-mana kemudahan pembiayaan perdagangan yang lain sekiranya terdapat sebarang tunggakan dalam pembiayaan.

Semua terma dan syarat lain seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran.

<p>10. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?</p> <p>Sila rujuk kepada Helaian Pendedahan Produk atau layari www.bankrakyat.com.my</p>	<p>11. Apa-apa cadangan dan pertanyaan anda boleh diajukan kepada:</p> <p>Jabatan Pembiayaan Perdagangan Level 28 Menara 1 Menara Kembar Bank Rakyat No. 33 Jalan Travers 50470 Kuala Lumpur Tel: 03-26129600 (talian umum) E-mel: trade@bankrakyat.com.my</p> <p>atau</p> <p>Bahagian Perbankan Perniagaan Level 26 Menara 1 Menara Kembar Bank Rakyat No. 33 Jalan Travers 50470 Kuala Lumpur Tel: 03-26129600 (talian umum)</p>	<p>12. Jika anda ingin mengemukakan aduan mengenai produk-produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi:</p> <p>Biro Pengaduan Awam Khidmat Pelanggan, Menara 1 Menara Kembar Bank Rakyat No. 33 Jalan Travers 50470 Kuala Lumpur Tel: 1-300-80-5454 Website: www.bankrakyat.com.my/enquiries-feedback</p> <p>atau</p> <p>Hubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:</p> <p>Blok D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato 'Onn, 50480 Kuala Lumpur Tel: 1-300-88-5465 Faks: 03-21741515 E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my</p>
<p>13. Lain-lain produk Pembiayaan Perdagangan yang ditawarkan?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Surat Kredit-i • Surat Kredit Export-i • Surat Kredit Export Pengesahan-i • Pungutan Bil Import-i • Pungutan Bil Export-i • Pembiayaan Bil Kredit Export-i • Pembiayaan Perdagangan Tawarruq • Pembiayaan Modal Kerja Murabahah • Jaminan Perkapalan-i • Jaminan Bank-i 		
<p>NOTA PENTING:</p> <p>TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MEMBUAT BAYARAN SECARA TETAP. HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK MESTI DI BACA, DI FAHAM, DI TERIMA DAN PERLU DITANDATANGANI OLEH PELANGGAN. PRODUK TELAH DILULUSKAN OLEH JAWATANKUASA SHARIAH BANK RAKYAT PADA 25^{hb} JUN 2015.</p>		

Maklumat yang disediakan dalam helaian pendedahan produk ini adalah sah pada 9^{hb} Januari 2019.